



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PROGRAM PELAJAR CEMERLANG

Penajaan kepada pelajar cemerlang lepasan Ijazah Pertama/Sarjana tajaan JPA bagi mengikuti pengajian peringkat Sarjana dan Kedoktoran dalam bidang kejuruteraan teknikal, sains dan teknologi serta sains sosial di universiti yang dikenal pasti dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU)

SYARAT UMUM

- Warganegara Malaysia (umur tidak lebih 26 tahun bagi pengajian peringkat Sarjana dan 30 tahun bagi pengajian peringkat Kedoktoran (Ph.D) pada tahun permohonan)
- Pelajar merupakan pelajar tajaan JPA semasa peringkat Ijazah Pertama/Sarjana bagi memohon ke peringkat pengajian yang lebih tinggi
- Pelajar telah menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan dan tidak pernah membuat sebarang pelanjutan
- Pelajar telah menamatkan pengajian peringkat Ijazah Pertama atau Sarjana pada tahun sebelumnya hingga tarikh tutup permohonan
- Pelajar telah mendapat tawaran bersyarat/tanpa syarat daripada universiti dan mengikuti pengajian secara sepenuh masa
- Program Ijazah Sarjana yang dipohon bukan program yang dinilai taraf setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda bagi tujuan perlantikan ke dalam Perkhidmatan Awam
- Mempunyai baki tempoh pengajian sebanyak 12 bulan bagi pengajian peringkat Sarjana dan 24 bulan bagi pengajian peringkat Kedoktoran

PERMOHONAN

Layari <http://esilav2.jpa.gov.my/>

PERTANYAAN LANJUT, SILA HUBUNGI

Unit Penawaran Sebelum Perkhidmatan
Emel : penawaranlsp@jpa.gov.my